

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2022

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (SABAH) JARINGAN INDUSTRI DAN KEUSAHAWANAN

KETUA PTJ :

ABDUL KADIR ROSLINE @ RUSLIM

KETUA UNIT KUALITI :

NASRAH BINTI NAHARU

PENYELARAS :

PENULIS :

1. NASRAH BINTI NAHARU
2. ANI JUAINI BINTI BAHRIN
3. SITI AMINAH BT TENGAH @ MOHAMMAD
4. KU MOHD AMIR AIZAT BIN KU YUSOF
5. JANVIN JANTENG
6. NURFAIZAH BINTI ABDULLAH
7. HERSHAN @ RAY HERMAN

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kepimpinan kanan UiTMCSH diterajui oleh Yang Berbahagia Datuk Profesor Madya Dr. Hj. Abdul Kadir Bin Hj. Rosline selaku Rektor dan dibantu oleh tiga (3) Timbalan Rektor bagi membentuk sebuah pasukan yang dinamik dan proaktif dalam usaha untuk mencapai objektif utama, misi dan visi universiti. Kepimpinan kanan UiTMCSH sentiasa bergerak pantas dalam membuat pensejajaran objektif kualiti, piagam pelanggan dan pelan perancangan strategik agar sentiasa seiring dengan keperluan global. Antara langkah proaktif yang diambil oleh Kepimpinan Kanan adalah dengan memantapkan **Jaringan Industri dan Keusahawanan selaras dengan Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12 Malaysia 2021-2025), Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Pelan Strategik UiTM2025**. Bagi menjayakan bidang tumpuan pilihan, projek berskala mega yang mendapat pembiayaan sebanyak **RM3.5 juta daripada Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera (DPUB) Sabah** iaitu **Projek Freshwater Lobster Production - Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS)**. Kumpulan Sasar projek ini adalah dalam kalangan **Bumiputera B40**.

1.1.2 Projek *Freshwater Lobster Production - Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS)*

Sejak tahun 2012, Malaysia telah menjadi pengeluar utama udang kara air tawar. Disebabkan oleh beberapa faktor seperti lokasi yang strategik dan kesesuaian tempat, Taman Akuakultur Lobster Bersepadu telah dibina di Semporna, Sabah sebagai kawasan pengeluaran pertama di dunia yang menghasilkan telur lobster air tawar. Malaysia juga dijangka akan menjadi pengeluar utama udang kara air tawar bernilai lebih daripada RM12 bilion yang melibatkan kawasan seluas 9,300 hektar di Sabah. Sabah dijangka menghasilkan pengeluaran 40 juta paun yang menghasilkan penjualan lebih dari USD \$ 1 bilion menjelang 2030.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Berpandukan objektif utama dan petunjuk prestasi, UiTMCSH telah merangka beberapa inisiatif strategik bagi menggerakkan bidang tumpuan ini antaranya adalah seperti yang ditunjukkan dalam Bukti 2.

Kepimpinan Kanan UiTMCSH sentiasa membuat perancangan, penelitian dan pemantauan yang berterusan bagi memastikan setiap perancangan dapat dilaksanakan dengan baik. Projek komuniti ini dibuat untuk komuniti B40 di Sabah dengan harapan mereka dapat menyara keluarga mereka melalui aktiviti keusahawanan dan dalam jangka masa panjang menjadikan mereka sebagai usahawan yang berjaya.

Bagi menggerakkan bidang tumpuan pilihan, kepimpinan kanan telah memberi kepercayaan kepada empat orang pensyarah untuk menggalas tanggungjawab dalam merealisasikan projek ini iaitu Prof. Madya (BK) Dr. Rozita @ Uji Mohammed, Prof. Madya Ts Dr. Hendry Joseph, Bk Surail Bin Abdul Kahar @ Eting, dan Cyril Supain @ Christopher.

SENARAI BUKTI:

1. [K0025_K01_KB02_20221_UiTMCSH_Lampiran Kepimpinan 1.1 \(1\).pdf](#)
2. [K0025_K01_KB02_20222_UiTMCSH_Lampiran Kepimpinan 1.2 \(1\).pdf](#)
3. [K0025_K01_KB02_20223_UiTMCSH_Lampiran Kepimpinan 1.2 \(2\).pdf](#)
- 4.
- 5.

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kepimpinan Kanan UiTMCSH sentiasa mengambil pelbagai pelaksanaan yang sistematik bagi memastikan inisiatif strategik berkaitan bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan dapat dilaksanakan dengan jayanya. **Bukti 1** menunjukkan cara peluasan pelaksanaan bidang tumpuan dan **Bukti 2** menunjukkan objektif utama dan petunjuk prestasi.

Bagi memastikan Misi dan Visi UiTMCSH dipatuhi dan dipraktikkan oleh keseluruhan warganya, kepimpinan kanan UiTMCSH telah menyediakan beberapa medium penyampaian untuk menyebarkan maklumat dan informasi yang berkaitan bidang tumpuan. **Bukti 3** menunjukkan beberapa medium penyampaian yang digunakan di UiTMCSH.

SENARAI BUKTI :

1. [K0025_K01_KB03_20221_UiTMCSH_Lampiran Kepimpinan 1.3 \(1\).pdf](#)
2. [K0025_K01_KB03_20222_UiTMCSH_Lampiran Kepimpinan 1.3 \(2\).doc.pdf](#)
3. [K0025_K01_KB03_20223_UiTMCSH_Lampiran Kepimpinan 1.3 \(3\).pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Kepimpinan kanan UiTMCSH menyediakan pelan pemantauan yang rapi dan sistematik untuk memastikan setiap objektif dapat dicapai. Pelan tersebut adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Bukti 1**.

i. Merancang

Kepimpinan kanan UiTMCSH memastikan setiap aktiviti yang dijalankan haruslah dirancang dengan teliti terlebih dahulu agar aktiviti yang akan dijalankan berjalan lancar dan selari dengan objektif UiTMCSH. Perancangan yang dirancang turut mengambil kira hala tuju negeri agar UiTMCSH mampu menyumbang dari aspek mikro dan makro. Antara pelan rancangannya ialah mewujudkan takwim aktiviti tahun semasa di mana pelan ini dapat membantu UiTMCSH merancang aktiviti sepanjang tahun dengan lebih sistematik. Di samping itu pelan rancangan juga membahagikan aktiviti mengikut portfolio unit bagi menyelaras aktiviti agar selari dengan keperluan tenaga kerja, sumber kewangan dan objektif universiti.

ii. Melaksana

Kepimpinan kanan UiTMCSH memastikan setiap aktiviti yang dilaksanakan mengikut jadual yang telah disediakan dan memastikan aktiviti yang dijalankan mencapai matlamat agar semua pihak yang terlibat akan mendapat manfaat daripada aktiviti tersebut.

iii. Memantau

Keberkesanan setiap aktiviti yang dijalankan dipantau dengan mendapat maklum balas daripada pelanggan. Hasil maklumat daripada maklum balas pelanggan akan digunakan untuk penambahbaikan. Kaedah memuat naik aktiviti yang telah dilaksanakan ke media sosial juga turut memberi ruang untuk maklum balas diutarakan secara atas talian di samping pendekatan secara manual.

iv. Menambahbaik

Kepimpinan kanan UiTMCSH komited dalam menambah baik setiap aktiviti yang telah dijalankan dengan mengadakan *post mortem* di mana aspek seperti keberkesanan aktiviti, kecekapan pengendalian dan pengurangan kos pelaksanaan adalah bidang tumpuan bagi tujuan penambahbaikan.

SENARAI BUKTI:

1. [K0025_K01_KB04_KC01_20221_UiTMCSH_Lampiran Kepimpinan 1.4.1 \(1\).pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Mekanisme Pengurusan Risiko

Kepimpinan Kanan mengambil berat terhadap pengurusan risiko dan kebarangkalian kegagalan pelaksanaan bidang tumpuan. Oleh yang demikian, beberapa langkah proaktif telah diambil oleh kepimpinan kanan untuk mengenal pasti punca risiko dan seterusnya mencegah risiko daripada berlaku.

Pengurusan risiko yang dijalankan oleh kepimpinan kanan UiTMCSH merangkumi proses mengenalpasti peristiwa yang mungkin atau akan berlaku serta pelaksanaan tindakan kawalan yang dapat memberi jaminan munsabah kearah pencapaian objektif projek yang telah ditetapkan. Pengurusan Risiko juga mengambil kira skala penarafan risiko seperti yang di tunjukkan dalam **Bukti 1**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0025_K01_KB04_KC02_20221_UiTMCSH_Lampiran Kepimpinan 1.4.2 \(1\).pdf](#)

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi memastikan bidang tumpuan sentiasa berada di tahap terbaik Kepimpinan Kanan UiTMCSH mengambil inisiatif berinovasi dari aspek:

i. Rakan Kolaborasi

Dari sudut rakan kolaborasi, UiTMCSH telah mengambil langkah dengan menambah kumpulan rakan kolaborasi. di mana sasarannya yang bertunjangkan RMKe-12, Sabah Maju Jaya (SMJ), Pelan Strategik UiTM2025. Bagi Tahun 2021, lima (5) rakan strategik telah dilaksanakan, Bukti 1.

ii. Bentuk Program

Pendekatan program diubah menjadi lebih fleksibel di mana bukan sahaja dalaman tetapi program luaran juga dilaksanakan. Di samping itu, pelaksanaan program juga dinaik taraf dari peringkat kampus ke peringkat negeri/kebangsaan dengan tujuan menambah penglibatan kumpulan sasaran dalam program yang dijalankan. Selain itu pengisian program juga diubah menjadi lebih interaktif bersesuaian dengan keadaan semasa.

iii. Penjimatan Kos

Kepimpinan Kanan UiTMCSH sentiasa mengambil kira penjimatan kos setiap program. Salah satu langkah dalam penjimatan kos ialah dengan mencari tajaan daripada rakan kolaborasi di mana situasi menang-menang diamalkan untuk menarik rakan kolaborasi memberi tajaan. Di samping itu, Kepimpinan Kanan UiTMCSH mengambil langkah menghimpunkan aktiviti setiap unit di dalam satu projek mega dan dijalankan secara serentak. Projek mega ini dapat menjimatkan tenaga kerja, kos dan masa.

Sebagai contoh, menghimpunkan aktiviti BPJIM&A iaitu Karnival Keusahawanan, Ekspo Agrotek, dan lain-lain aktiviti pada musim konvokesyen yang diadakan.

iv. Kecemerlangan Staf

Kepimpinan Kanan UiTMCSH telah mengambil inisiatif untuk memastikan staf yang berkaitan dengan bidang tumpuan mempunyai kemahiran yang bersesuaian. Pelbagai latihan dan bengkel diberikan kepada staf untuk meningkatkan kemahiran diri. Tujuan latihan dan bengkel bukan sahaja memastikan staf dapat menjalankan tanggungjawab dengan cemerlang tetapi juga salah satu cara penjimatan kos jangka panjang di mana sebelum ini bengkel dan latihan kepada pelajar dilaksanakan dengan menjemput pihak luar sekali gus melibatkan kos dan masa. Dengan peningkatan kepakaran dalaman ini, UiTMCSH mampu memberikan perkhidmatan yang setara dengan pihak luar.

SENARAI BUKTI :

1. [K0025_K01_KB04_KC03_20221_UiTMCSH_Lampiran_Kepimpinan_1.4.3_\(1\).pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kepimpinan Kanan UiTMCSH sentiasa komited dan konsisten dalam menambahbaik segala program yang telah dilaksanakan. Antara lain penambahbaikan yang telah diintegrasikan adalah melalui rakan kolaborasi, bentuk program yang dianjurkan dan dalam masa yang sama penjimatan kos UiTMCSH dapat ditingkatkan. Jaringan bersama industri dan komuniti yang telah termeterai pada tahun 2020 sudah pastinya inisiatif strategik dapat dilaksanakan seperti yang dirancang. Antara MoA yang terlibat adalah bersama Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera Sabah (DPUB) antara Syarikat Teraju Bumiputera dan UiTM. Pelbagai program dilaksanakan bagi mencapai objektif dan inisiatif strategik yang telah dikenal pasti antara lainya adalah, dengan Projek FLP-GAPS ini mempergiatkan kegiatan ekonomi kepada komuniti setempat di 6 Buah kampung yang terpilih, pemindahan ilmu juga dilaksanakan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0025_K01_KB05_20221_UiTMCSH_Lampiran Kepimpinan 1.5 \(1\).pdf](#)
2. [K0025_K01_KB05_20222_UiTMCSH_Lampiran Kepimpinan 1.5 \(2\).pdf](#)
3. [K0025_K01_KB05_20223_UiTMCSH_Lampiran Kepimpinan 1.5 \(3\).pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Ringkasan Eksekutif

Perancangan strategik adalah pendekatan sistematik UiTMCSH untuk mencapai KPI universiti khususnya bidang tumpuan iaitu Jaringan Industri dan Keusahawanan. Perancangan strategik ini telah dibangunkan selaras dengan Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12 Malaysia 2021-2025), Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Pelan Strategik UiTM2025 melalui tiga proses utama iaitu perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Dua medium utama iaitu Bengkel Semak Semula Perancangan Strategik dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) digunakan untuk proses perancangan dimana melibatkan beberapa faktor iaitu tema dalam RMKe-12 Malaysia, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Pelan Strategik UiTM2025, maklum balas pemegang taruh seperti universiti, industri, kerajaan dan masyarakat dan faktor terakhir adalah hasil analisis pencapaian petunjuk prestasi daripada bengkel semak semula perancangan strategik tahun 2020. Pelaksanaan dan pencapaian setiap inisiatif telah dibentangkan semasa Amanat Tahun Baharu Rektor UiTMCSH (24 Mac 2021) disamping dibentangkan, dibincangkan di mesyuarat bahagian/unit dan mesyuarat Fakulti, malah pelaksanaan dan pencapaian dalam perancangan strategik ini telah menjadi agenda tetap di dalam mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN). Dalam proses pelaksanaan, ia melibatkan empat bahagian utama iaitu Bengkel Perancangan Strategik, Pengurusan Tertinggi UiTMCSH, Unit Perancangan Strategik (UPS) dan Pusat Tanggungjawab (PTJ). Input daripada proses perancangan dimurnikan dan diselaraskan dengan tema 1 dan tema 2 RMKe-12 Malaysia, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan teras strategik 5 UiTM2025 bagi pembangunan objektif utama dan inisiatif strategik dalam Perancangan Strategik UiTMCSH. Pemantauan dan penambahbaikan ke atas semua petunjuk prestasi telah dilaksanakan melalui tiga kaedah iaitu pelaporan pencapaian prestasi oleh PTJ, pembentangan pencapaian prestasi secara menyeluruh oleh penyelaras UPS di mesyuarat MKSP dan JKEN, dan Bengkel Penyemakkan Semula Perancangan Strategik UiTMCSH.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

2.1 Objektif dan Inisiatif Strategik (Approach)

Bidang tumpuan UiTMCSH adalah Jaringan Industri dan Keusahawaan, Jadual 2.1.1 (Bukti 1) menunjukkan objektif utama, inisiatif strategik dan petunjuk prestasi berkaitan bidang tumpuan tahun 2021 yang telah menjadi panduan dan sasaran di bawah Bahagian PJMI&A (Bukti 5: Gambar 2.1.2). Selaku pusat yang bertanggungjawab Bahagian PJMI&A proaktif dalam merancang pelaksanaan inisiatif strategik dalam mencapai petunjuk prestasi yang telah ditetapkan. Dua objektif utama dalam perancangan strategik UiTMCSH yang berkaitan bidang tumpuan iaitu yang pertama kolaborasi keusahawaan untuk perkhidmatan *coaching* dan penasihat perniagaan; objektif utama kedua jalinan program kerjasama dengan industri. Dalam mencapai objektif ini dua inisiatif strategik telah ditetapkan iaitu Tanggungjawab Sosial Universiti (USR) dan Program Pemindahan Ilmu (KTP). Petunjuk prestasi untuk dua objektif utama ini adalah mendapat RM30,000 dana daripada aktiviti tanggungjawab sosial Universiti (USR) dan Program Pemindahan ilmu (KTP). Jadual 2.1.2 (Bukti 2) menunjukkan pelan tindakan untuk mencapai petunjuk prestasi yang telah ditetapkan. Aktiviti Tanggungjawab Sosial Universiti (USR) telah dilaksanakan secara fizikal atau maya yang bertujuan untuk memberi manfaat kepada komuniti atau industri. Manakala program pemindahan ilmu (KTP) dilaksanakan dibawah projek penyelidikan dalam memberi manfaat kepada komuniti atau industri. Bagi memastikan petunjuk prestasi ini tercapai, satu projek utama telah dikenalpasti iaitu Projek *Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System*. Projek ini diletakkan di bawah tanggungjawab kumpulan *Special Interest Group* (SIG) ToCoDeS (Bukti 4: Gambar 2.1.1). Jadual 2.1.3 (Bukti 3) menunjukkan penjajaran pelaksanaan Perancangan Strategik mengikut bidang tumpuan (Jaringan Industri dan Keusahawaan), dimana untuk mencapai objektif utama perancangan strategik, dua inisiatif aktiviti/program telah ditentukan dan dibawah inisiatif strategik ini terdapat dua pelan tindakan yang digunakan untuk mencapai petunjuk prestasi yang telah ditetapkan.

SENARAI BUKTI:

1. [K0025_P01_PB02_20221_Bukti1 UiTMCSH_Lampiran Perancangan Strategik 2.1.1.pdf](#)
2. [K0025_P01_PB02_20222_Bukti2 UiTMCSH_Lampiran Perancangan Strategik 2.1.2.pdf](#)
3. [K0025_P01_PB02_20223_Bukti3 UiTMCSH_Lampiran Perancangan Strategik 2.1.3.pdf](#)
4. [K0025_P01_PB02_20224_Bukti4 UiTMCSH_Lampiran Perancangan Strategik Gambar 2.1.1.pdf](#)
5. [K0025_P01_PB02_20225_Bukti5 UiTMCSH_Lampiran Perancangan Strategik Gambar 2.1.2.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

2.2 Pembangunan Perancangan Strategik (Deployment)

Perancangan strategik adalah pendekatan sistematik UiTMCSH untuk mencapai KPI universiti khususnya bidang tumpuan iaitu Jaringan Industri dan Keusahawanan. Perancangan strategik ini telah dibangunkan selaras dengan Rancangan Malaysia ke-12 Malaysia 2021-2025 (RMKe-12), Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030), dan Pelan Strategik UiTM2025 (Bukti 1: Jadual 2.2.1).

Pembangunan Objektif utama dan inisiatif strategik dalam perancangan strategik UiTMCSH mengikut bidang tumpuan (Jaringan Industri dan Keusahawanan) telah diselaraskan dengan tema 1 (menjana semula ekonomi) dan tema 2 (memperkuh keselamatan, kesejahteraan dan Inklusiviti) dalam RMKe-12 Malaysia (Bukti 2: Rajah 2.2.1). Dimana projek *Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System* telah membantu dalam melonjakkan pertumbuhan industri strategik dan berimpak tinggi disamping menjadi mangkin dalam melonjakkan pertumbuhan ekonomi seperti yang termaktub dalam tema 1 RMKe-12 Malaysia. Projek *Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System* ini juga menepati tema 2 RMKe-12 Malaysia iaitu memperkuh pembangunan sosioekonomi di Sabah dan ia sejajar dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (Bukti 3: WKB 2030) dengan prinsip "tiada sesiapa yang tertinggal".

Perancangan strategik ini sejajar dengan tema strategik 5 (perkongsian pintar industri, komuniti dan alumni) dalam Pelan Strategik UiTM2025 (Bukti 4: Rajah 2.2.2) dan melalui perancangan strategik, matlamat tema strategik 5 ini dicapai dengan mengukuhkan pakatan strategik bersama industri melalui perkongsian strategik yang telah dilaksanakan dalam Projek *Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System*.

Rajah 2.2.3 (Bukti 5) menunjukkan proses pembangunan Objektif Utama dan Inisiatif Strategik dalam Perancangan Strategik UiTMCSH, dimana ia melibatkan tiga proses utama iaitu perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Proses perancangan melibatkan beberapa faktor iaitu tema dalam RMKe-12 Malaysia, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Pelan Strategik UiTM2025, maklumbalas pemegang taruh seperti universiti, industri, kerajaan dan masyarakat dan faktor terakhir adalah hasil analisis pencapaian petunjuk prestasi daripada Bengkel Semak Semula Perancangan Strategik tahun 2020.

Dalam proses pelaksanaan, ia melibatkan empat bahagian utama iaitu Bengkel Perancangan Strategik, Pengurusan Tertinggi UiTMCSH, Unit Perancangan Strategik (UPS) dan Pihak yang bertanggungjawab (PTJ). Input daripada proses perancangan dimurnikan dan diselaraskan dengan tema 1 dan tema 2 RMKe-12 Malaysia, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan teras strategik 5 UiTM2025 bagi pembangunan objektif utama dan inisiatif strategik dalam Perancangan Strategik UiTMCSH. Dalam proses ini, keperluan bajet dan kemungkinan risiko untuk setiap inisiatif strategik juga diambilkira.

Proses terakhir pembangunan Objektif Utama dan Inisiatif Strategik adalah pemantauan. Dalam proses ini, ia melibatkan tiga pihak iaitu Pengurusan tertinggi UiTMCSH, UPS dan PTJ. Pihak UPS selaku penyelaras dan pemudahcara bekerjasama dengan PTJ yang terlibat membentangkan dan menyediakan laporan pencapaian petunjuk prestasi bagi setiap inisiatif strategik. Pembentangan ini dilakukan setiap tiga bulan bersama pengurusan tertinggi

SENARAI BUKTI :

1. [K0025_P01_PB03_20221_Bukti1 UiTMCSH_Lampiran Perancangan Strategik 2.2.1.pdf](#)
2. [K0025_P01_PB03_20222_Bukti2 UiTMCSH_Lampiran Perancangan Strategik Rajah 2.2.1.pdf](#)
3. [K0025_P01_PB03_20223_Bukti3 UiTMCSH_Lampiran Perancangan Strategik 2.2.2.pdf](#)
4. [K0025_P01_PB03_20224_Bukti4 UiTMCSH_Lampiran Perancangan Strategik 2.2.3.pdf](#)
5. [K0025_P01_PB03_20225_UiTMCSH_Perancangan Strategik_Lampiran_2.6.4.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

2.3 Pelaksanaan Pelan Pemantauan (Act: Learning)

Pelaksanaan perancangan strategic UiTMCSH adalah berkesan dan meluas kepada seluruh warga UiTMCSH. Pelaksanaan dan pencapaian setiap inisiatif telah dibentangkan semasa Amanat Tahun Baharu Rektor UiTMCSH (24 Mac 2021) disamping dibentangkan, dibincangkan di mesyuarat bahagian/unit dan mesyuarat Fakulti, malah pelaksanaan dan pencapaian dalam perancangan strategik ini telah menjadi agenda tetap di dalam mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN). Pemantauan ke atas semua petunjuk prestasi telah dilaksanakan melalui tiga kaedah seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2.3.1 (Bukti 1). Dimana setiap PTJ diminta menghantar/mengemaskini pelaporan pencapaian perancangan strategik setiap tiga bulan kepada Penyelaras UPS UiTMCSH melalui atas talian. Ini memastikan petunjuk prestasi dapat dicapai dalam masa yang ditetapkan. Penyelaras UPS UiTMCSH akan membuat laporan secara menyeluruh terhadap hasil pengumpulan dan membentangkannya pada Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) dan Mesyuarat JKEN, di mana ia merupakan medium bagi penambahbaikan pelaksanaan pelan-pelan strategik UiTMCSH. Bengkel Penyemakkan Semula Perancangan Strategik UiTMCSH dibuat sekurang-kurangnya sekali setahun dan disertai oleh pengurusan tertinggi dan PTJ. Penyelaras UPS akan membentangkan pencapaian tahunan, input daripada setiap PTJ akan diambil kira dalam penyemakkan dan penambahbaikan setiap pelan-pelan perancangan strategik UiTMCSH. Hasil pemantauan ini digunakan untuk kajisemula pengurusan yang sedia ada dan pelan pemantauan yang efisien ini digunapakai untuk memastikan objektif utama dan inisiatif dilaksanakan dan dicapai dengan berkesan. Pelan pemantauan yang efisien ini digunapakai untuk memastikan objektif utama dan inisiatif dilaksanakan dan dicapai dengan berkesan.

SENARAI BUKTI:

1. [K0025_P01_PB04_PC01_20221_Bukti1 UiTMCSH_Lampiran Perancangan Strategik 2.3.1.pdf](#)
2. [K0025_P01_PB04_PC01_20222_UiTMCSH_PS_Lampiran 2.6.1.pdf](#)
3. [K0025_P01_PB04_PC01_20223_UiTMCSH_Perancangan Strategik_Lampiran_2.6.4.pdf](#)
4. [K0025_P01_PB04_PC01_20224_UiTMCSH_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.3.PDF](#)
5. [K0025_P01_PB04_PC01_20225_UiTMCSH_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.5.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

2.4 Risiko dan Pelan Kawalan Risiko

UiTMCSH telah mengurus risiko dengan mengenalpasti kategori risiko, tahap risiko dan pelan tindakan yang berkaitan dengan pencapaian KPI UiTMCSH. Rujuk Gambarajah 2.4

SENARAI BUKTI :

1. [K0025_P01_PB04_PC02_20221_UiTMCSH_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.pdf](#)
2. [K0025_P01_PB04_PC02_20222_UiTMCSH_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.2.pdf](#)
3. [K0025_P01_PB04_PC02_20223_UiTMCSH_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.3.PDF](#)
4. [K0025_P01_PB04_PC02_20224_UiTMCSH_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.4.pdf](#)
5. [K0025_P01_PB04_PC02_20225_UiTMCSH_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.5.pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

2.5 Inovasi Penambahbaikan Perancangan Strategik

Bagi melancarkan lagi proses pemantauan dan rancangan penambahbaikan (jika perlu) terhadap sasaran strategik UiTMCSH, Unit Strategik dan Transformasi Universiti UiTM Sabah telah mewujudkan *Team PTJ UPS UiTMCSH* yang diwakili oleh setiap PTJ pada awal tahun 2021. Fungsi utama Team PTJ UPS adalah sebagai pusat pengumpulan data pencapaian bagi memudahkan pelaporan pencapaian KPI setiap PTJ. (Lampiran Bukti 1 - 2.5.1

Senarai *Performance Indicator (PI) Indicator (Lampiran Bukti 2 - 2.5.2)* yang dikeluarkan oleh pihak BTU pada setiap bulan digunakan sebagai panduan bagi memantau dan memudahkan PTJ mengisi dan mengemaskini data. Selain itu, Performance Indicator (PI) Indicator dikemaskini setiap bulan selepas pengesahan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) dan ini membolehkan PTJ memantau tahap pencapaian masing-masing tanpa menunggu akhir tahun. Sehubungan itu, penyelaras perancangan strategik akan memaklumkan status kedudukan pencapaian setiap PTJ bagi memastikan tindakan yang perlu diambil dapat dilaksanakan bagi memastikan sasaran dapat dicapai dalam jangkamasa yang telah ditetapkan (Lampiran 2.5.3). Bagi mengenalpasti KPI yang memerlukan penambahbaikan, setiap PTJ perlu menganalisa status pencapaian masing-masing dan mengemukakan justifikasi terhadap sasaran yang belum tercapai. Selain itu, setiap PTJ perlu mengemukakan cadangan penambahbaikan bagi mencapai KPI kepada pihak pengurusan di sesi pembentangan pencapaian KPI yang diadakan pada setiap 3 bulan (suku tahun). (Lampiran 2.5.5)

SENARAI BUKTI :

1. [K0025_P01_PB04_PC03_20221_K0025_P01_PB05_20221_Bukti 1 UiTMCSH_Lampiran Perancangan Strategik 2.5.1.pdf](#)
2. [K0025_P01_PB04_PC03_20222_K0025_P01_PB05_20221_Bukti 2 UiTMCSH_Lampiran Perancangan Strategik 2.5.2.pdf](#)
3. [K0025_P01_PB04_PC03_20223_UiTMCSH_Lampiran Perancangan Strategik 2.5.3.pdf](#)
4. [K0025_P01_PB04_PC03_20224_UiTMCSH_Lampiran Perancangan Strategik 2.5.4.pdf](#)
5. [K0025_P01_PB04_PC03_20225_UiTMCSH_Lampiran Perancangan Strategik 2.5.5.PDF](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

2.6 Amalan Pembudayaan

Pengurusan Tertinggi UiTMCSH melalui Unit Strategik dan Transformasi Universiti sentiasa menyeru kepada warga kampus terutama setiap PTJ agar menghayati dan melaksanakan KPI yang telah diamanahkan kepada UiTMCSH selaras dengan UiTM2025. Amalan melaksanakan sesi pembentangan Strategic Action Plan (SAP) pada setiap awal tahun bersama setiap wakil PTJ bersama pihak Pengurusan Tertinggi UiTMCSH seperti dalam Lampiran 2.6.1 merupakan satu usaha membudayakan kecemerlangan pendidikan tinggi. Ini selaras dengan sasaran strategik UiTM dalam bidang pengajaran dan pembelajaran (P&P), pencapaian akademik, penyelidikan dan inovasi, jaringan industri, pembangunan keusahawanan, kepimpinan serta pemerkasaan tadbir urus.

Setiap PTJ sentiasa diingatkan berkenaan KPI dan SAP melalui applikasi Whatsapp, emel, mesyuarat dan aktiviti sepanjang tahun. Selain itu KPI UiTMCSH turut disebarluaskan kepada fakulti, bahagian dan unit melalui KPP, Ketua Bahagian dan Ketua Unit. (Lampiran 2.6.2.1, Lampiran 2.6.2.2 & Lampiran 2.6.2.3)

Selain pemberitahuan dan peringatan berterusan, amalan pembentangan pencapaian setiap PTJ dan KPI BTU juga dilakukan secara berkala iaitu setiap suku tahun bersama pihak Pengurusan Tertinggi UiTM Sabah. Pencapaian ini kemudiannya diwar-warkan kepada seluruh warga kampus melalui mesyuarat PTJ masing-masing. Ini bertujuan untuk memastikan seluruh warga kampus mengetahui pencapaian semasa UiTMCSH selain merupakan kaedah pemantauan berterusan (*Lampiran 2.6.3*). Jika pencapaian semasa didapati tidak mencapai sasaran yang ditetapkan, tindakan susulan atau penambahbaikan akan diambil untuk memastikan sasaran yang ditetapkan dapat dicapai. Pihak Pengurusan UiTMCSH selalu memastikan sumber setiap PTJ digerakkan secara cekap dan berkesan dalam memastikan sasaran dan KPI yang ditetapkan dapat dicapai. Untuk memastikan kejayaan tersebut, UiTMCSH memerlukan sokongan yang padu dan jitu daripada semua warga kampus dan PTJ termasuklah dalam kalangan kepimpinan kanan, staf akademik dan juga staf pentadbiran.

2.7 Rumusan

Perancangan strategik yang mantap dan pemantauan pelaksanaan serta penilaian terhadap projek dan inisiatif strategik adalah kritikal bagi memastikan UiTMCSH menepati hala tuju PS RMK11 UiTM di samping memastikan pencapaian hasil dan impak yang dapat merealisasikan transformasi UiTM secara keseluruhannya. Pencapaian QS dan KPI dapat membawa UiTMCSH mencapai visi, misi dan objektif yang ditetapkan dan seterusnya dapat menghasilkan output yang maksima. Proses pengukuran prestasi bagi menilai pelaksanaan dan pencapaian PS dilakukan secara bertepatan dan berkala. Menerusi usaha pemantauan dan pengukuran bersistematik, pencapaian sasaran QS dan KPI UiTMCSH dapat direalisasikan dan seterusnya melonjakkan kualiti hasil kerja secara holistik.

SENARAI BUKTI :

1. [K0025_P01_PB05_20221_UiTMCSH_Lampiran 2.6.1.pdf](#)
2. [K0025_P01_PB05_20222_UiTMCSH_Lampiran 2.6.2.1.pdf](#)
3. [K0025_P01_PB05_20223_UiTMCSH_Lampiran 2.6.2.2.pdf](#)
4. [K0025_P01_PB05_20224_UiTMCSH_Lampiran 2.6.2.3.pdf](#)
5. [K0025_P01_PB05_20225_UiTMCSH_Lampiran_2.6.3.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

- **Pelanggan merupakan pihak yang akan memperoleh manfaat** daripada inisiatif jaringan industri dan keusahawanan yang dilaksanakan.
- Justeru, pelbagai kaedah telah digunakan bagi mengenal pasti pelanggan yang terlibat dan memastikan keperluan serta ganjaran pelanggan dapat dipenuhi sebaik mungkin.
- UiTMCSH telah **mengenal pasti beberapa pelanggan yang berpotensi** berdasarkan keperluan penglibatan pihak yang terlibat dalam **menjayakan bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan**.
- Oleh itu, kategori pelanggan yang telah dikenal pasti adalah **pensyarah, pihak penaja, rakan strategik dan komuniti B40** atas keupayaan pihak yang berkaitan mendokong objektif utama Jaringan Industri dan Keusahawanan.
- Pensyarah, pihak industri, komuniti dan penyelidik sentiasa saling bergantung sesama sendiri dalam mencapai objektif UiTMCSH kerana setiap pihak memainkan peranan yang penting bagi menjamin keberkesanan dalam menjayakan agenda sesuatu projek.
- Berdasarkan perbincangan di peringkat mesyuarat pengurusan eksekutif, mesyuarat pentadbiran dan mesyuarat pentadbiran akademik UiTMCSH yang melihat kepada pencapaian perancangan strategik, terdapat **SATU (1) projek utama** yang berskala mega yang telah diperincikan **berdasarkan keupayaan projek tersebut yang menghasilkan impak besar** yang mendokong kepada bidang tumpuan jaringan industri dan keusahawanan.
- Projek berskala besar yang dipilih adalah **Projek Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS)** atau dikenali juga sebagai **Lobster Air Tawar (LAT)**.
- Projek ini diletakkan di bawah tanggungjawab kumpulan **Special Interest Group (SIG) ToCoDeS** yang menggalas tugas yang besar selaku **Projek Pelaksana**.
- Projek FLP-GAPS adalah projek berimpak tinggi selaras dengan aspirasi **Hala Tuju Sabah Maju Jaya: Pelan Pembangunan 2021-2025 dan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB2030)** yang dibiayai **Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera (DPUB) Sabah** di bawah **TERAJU** bernilai **RM3.5 juta** yang melibatkan pelbagai pihak terutamanya dalam kalangan komuniti yang berpendapatan rendah iaitu golongan **B40**.
- Objektif Utama Projek ini ialah membantu kerajaan dalam **membangunkan sosioekonomi komuniti juga membantu komuniti dengan menawarkan peluang pekerjaan, meningkatkan pendapatan, menawarkan latihan dan bimbingan secara berterusan**.
- Keupayaan projek tersebut dapat dipertontonkan dari segi pencapaian dan kebolehan dimana objektif utama projek tersebut memperlihatkan peningkatan dari kebolehpasaran dikalangan semua pihak dari pelbagai peringkat masyarakat yang sekaligus **berkeupayaan mengurangkan kebergantungan terhadap dana kerajaan** dan mendorong kemampuan untuk berdiri atas usaha sendiri.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pelanggan dikenal pasti melalui dua kaedah iaitu berdasarkan **keperluan penglibatan** pihak berkaitan terhadap projek atau **permohonan kolaborasi** yang diterima daripada rakan strategik bagi mendokong projek utama jaringan industri dan keusahawanan.

Dua kategori pelanggan telah dikenal pasti adalah terdiri daripada **pelanggan dalaman iaitu pensyarah dan pelanggan luaran iaitu pihak penaja, rakan strategik dan komuniti B40** yang terlibat dengan projek-projek yang dijalankan secara kolaborasi.

Bukti 1 menunjukkan **kategori pelanggan UiTMCSH**.

Penglibatan pelanggan dalam dan luaran amat signifikan dalam memastikan projek LAT ini dapat mencapai objektif yang telah digariskan selari dengan **Hala Tuju Sabah Maju Jaya: Pelan Pembangunan 2021 – 2025**.

Bukti 2.1 memperincikan **penglibatan pelanggan** bagi setiap projek dan manfaat utama yang diperolehi mereka.

Dalam usaha memastikan perjalanan projek berjalan dengan lancar, **suntikan kewangan** perlu dilakukan secara berterusan oleh pihak penaja. Pihak penaja juga biasanya akan bertanyakan sejauh mana perjalanan projek memandangkan telah ada suntikan dana.

Bukti 2.2 merupakan **poster UiTM bersama TERAJU semasa lawatan tapak FLP-GAPS**.

Bagi memastikan **kumpulan sasar dilibatkan secara langsung** di dalam projek, maka **workstation** seperti di dalam **Bukti 3** iaitu **Tapak Hatcheri di ENAM (6) kawasan** telah pun diwujudkan sebagaimana yang termaktub di dalam MOA.

Dalam usaha memastikan projek FLP-GAPS ini dapat dikoordinasi dan dilaksanakan dengan teratur dan efisien, maka **Pusat Pentadbiran Mini Inkubator Lobster Air Tawar (LAT)** telah **wujudkan** di Unit Ladang UiTMCSH seperti yang tertera dalam **Bukti 4**.

Bagi memastikan kebolehpayaan udang kara untuk hidup dalam jangka masa yang lama, **bekalan air bersih** perlu disediakan. Oleh itu, bagi menyokong usaha ini, **projek penempatan set tangki Lobster Air Tawar (LAT)** telah pun diwujudkan bagi enam kawasan projek LAT seperti yang tertera dalam **Bukti 5**.

SENARAI BUKTI:

1. [K0025_T01_TB02_20221_UiTMCSH_Kriteria 3 Approach Bukti 1 \(1\).pdf](#)
2. [K0025_T01_TB02_20222_UiTMCSH_Kriteria 3 Approach Bukti 2 \(1\).pdf](#)
3. [K0025_T01_TB02_20223_UiTMCSH_Kriteria 3 Approach Bukti 3.pdf](#)
4. [K0025_T01_TB02_20224_UiTMCSH_Kriteria 3 Approach Bukti 4.pdf](#)
5. [K0025_T01_TB02_20225_UiTMCSH_Kriteria 3 Approach Bukti 5.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

DATA PELANGGAN DIKUMPUL, DISIMPAN DAN DIKENAL PASTI

Pada dasarnya, setiap pencapaian dan penglibatan yang berlaku dalam pelaksanaan perancangan strategik dibawah UiTMCSH sentiasa dikenalpasti secara menyeluruh. Secara umumnya, setiap pelanggan akan dikenalpasti melalui **maklum balas** pencapaian dari masa ke semasa serta **aduan** yang diterima. Segala data akan dikumpul dan dianalisa mengikut objektif kualiti yang ditetapkan.

Bagi tujuan rujukan dan penambahbaikan, UiTMCSH sentiasa memastikan **data pelanggan luar** seperti **info berkaitan pihak penaja, senarai rakan strategik dan komuniti B40 yang terlibat dalam projek FLP-GAPS dikumpul** dan disimpan dengan baik. Bagi penglibatan **pensyarah selaku pelaksana projek**, data projek akan disimpan dibawah bahagian PJMI&A.

Maklumat seperti **surat memorandum persefahaman, surat lantikan projek pelaksana, pelaporan aktiviti sebelum & semasa, maklumat berkaitan kampung terpilih dan peserta kursus LAT** serta perkara yang berkaitan dengan pencapaian projek yang telah dilaksanakan akan **dikumpul dan disimpan dengan baik** di dalam **sistem TXC** seperti yang tertera pada **Bukti 1**.

PENGLIBATAN KUMPULAN SASAR

Penglibatan pelanggan adalah penting dalam menjayakan inisiatif yang dirancang. Justeru, untuk perkara tersebut, pelbagai **kaedah penglibatan pelanggan** telah dilaksanakan di dalam Projek Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS). **Bukti 2** menunjukkan **cara pengurusan FLP-GAPS melibatkan kumpulan sasaran di dalam projek ini**.

Dalam usaha memastikan informasi berkaitan projek Lobster Air Tawar (LAT) ini dapat disebar luas kepada seluruh pelosok masyarakat, pihak projek pelaksana dengan kerjasama media cetak, media elektronik dan juga media baharu seperti Facebook dan Instagram telah memaparkan berita-berita terkini berkaitan status semasa projek LAT ini. **Bukti 3** menunjukkan **salah satu cara Informasi berkaitan LAT disebar luas** manakala **Bukti 4** menunjukkan **projek FLP-GAPS disebar luas melalui sokongan media**.

Pada 22 Mac 2021 yang lalu, dalam usaha menyantuni peranan pihak penaja iaitu TERAJU sebagai salah satu pelanggan penting di dalam projek FLP-GAPS ini, satu sesi libat urus melibatkan TERAJU dan UiTM sempena lawatan kerja YB Menteri Tugas-Tugas Khas ke tapak projek (FLP-GAPS) di Kg. Bantayan. **Bukti 5** merupakan **bukti bergambar sempena lawatan YB Menteri Tugas-Tugas Khas**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0025_T01_TB03_20221_UiTMCSH_Kriteria 3 Deployment Bukti 1.pdf](#)
2. [K0025_T01_TB03_20222_UiTMCSH_Kriteria 3 Deployment Bukti 2.pdf](#)
3. [K0025_T01_TB03_20223_UiTMCSH_Kriteria 3 Deployment Bukti 3.pdf](#)
4. [K0025_T01_TB03_20224_UiTMCSH_Kriteria 3 Deployment Bukti 4.pdf](#)
5. [K0025_T01_TB03_20225_UiTMCSH_Kriteria 3 Deployment Bukti 5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Dalam usaha memastikan sesuatu projek berjalan dengan baik dan lancar, perlu ada **mekanisme pemantauan** diwujudkan bagi mengetahui status semasa perjalanan projek tersebut. Apabila projek berjalan dengan baik, maka **pihak penaja juga tidak berasa ragu-ragu untuk terus memberi suntikan kewangan** bagi terus membiayai projek tersebut.

Pemantauan juga amat signifikan bagi memastikan kumpulan sasaran dapat menikmati ganjaran atau hasil yang bakal dituai daripada projek yang telah dilaksanakan. **Bukti 1** menunjukkan **ganjaran untuk pelanggan yang terlibat dengan projek Lobster Air Tawar (LAT)** ini dan **Bukti 2** menunjukkan **Model Pemantauan** yang telah diguna pakai oleh projek pelaksana iaitu SIG - ToCoDeS untuk memantau progress projek LAT ini.

Untuk tujuan menternak lobster air tawar ini, pelbagai kemudahan atau fasiliti diperlukan bagi memastikan LAT dapat hidup lama dan mempunyai potensi besar untuk tujuan jualan. Justeru bagi tujuan tersebut, pihak projek pelaksana telah memulakan projek membina fasiliti pusat asuhan LAT. Projek ini sangat signifikan bagi memastikan LAT dapat bertelur dengan banyak dan membina rantaianya tersendiri. **Bukti 3** menunjukkan **Pemantauan Perkembangan Projek Membina Fasiliti Pusat Asuhan LAT dan Jualan Benih di Kampung Muhibbah Petagas**.

Setelah lobster air tawar (LAT) ini membesar dengan baik (sampai ke satu peringkat tumbesaran matang), ini bermakna LAT ini sudah boleh dijual dan janaan pendapatan sudah boleh bermula. Justeru, pihak SIG-ToCoDeS telah memulakan langkah untuk membina sebuah bangunan operasi untuk tujuan jualan lobster. **Bukti 4** menunjukkan **Pemantauan Perkembangan Projek Membina Fasiliti Sebuah Bangunan Operasi Jualan Lobster (FLP-GAPS) Di Kampung Shabandar, Tuaran**.

Sebelum LAT boleh dijual, telur-telur LAT akan menetas terlebih dahulu sebelum melalui proses tumbesaran. Justeru untuk memastikan **telur-telur LAT dapat menetas dalam suasana yang baik dan kondusif**, satu usaha telah dilakukan untuk membina fasiliti hatcheri. **Bukti 5** menunjukkan **Pemantauan Perkembangan Projek Kerja -Kerja Membina Fasiliti Hatcheri Di Kampung Bantayan, Tamparuli**.

SENARAI BUKTI:

1. [K0025_T01_TB04_TC01_20221_UiTMCSH_Kriteria 3 Pemantauan Bukti 1.pdf](#)
2. [K0025_T01_TB04_TC01_20222_UiTMCSH_Kriteria 3 Pemantauan Bukti 2.pdf](#)
3. [K0025_T01_TB04_TC01_20223_UiTMCSH_Kriteria 3 Pemantauan Bukti 3.pdf](#)
4. [K0025_T01_TB04_TC01_20224_UiTMCSH_Kriteria 3 Pemantauan Bukti 4.pdf](#)
5. [K0025_T01_TB04_TC01_20225_UiTMCSH_Kriteria 3 Pemantauan Bukti 5.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bagi mana-mana projek yang dijalankan, pasti ada risikonya yang tersendiri. SIG-ToCoDES telah mengenal pasti risiko yang bakal di hadapi oleh pelanggan dan telah merancang tindakan pencegahan bagi risiko berkenaan.

Sebagai contoh, projek LAT ini pastinya akan mengalami risiko seperti kematian LAT, risiko peserta tidak memberi komitmen sewaktu kursus, risiko suntikan dana yang lewat dan sebagainya. Justeru apabila risiko-risiko luar jangka ini berkemungkinan akan wujud, maka perlu ada pelan tindakan bagi mengatasi risiko-risiko tersebut sebelum keadaan menjadi lebih parah. **Bukti 1** menunjukkan jenis-jenis risiko projek FLP-GAPS dan **Bukti 2** menunjukkan Pelan Tindakan untuk mengatasi risiko-risiko oleh Projek Pelaksana iaitu SIG – ToCoDeS.

Selain itu juga, pihak SIG – ToCoDes juga mengadakan inisiatif bagi meminimalkan risiko-risiko berkaitan penternakan LAT ini. **Bukti 3** menunjukkan inisiatif SIG – ToCoDeS untuk meminimalkan risiko berkaitan projek LAT.

SENARAI BUKTI :

1. [K0025_T01_TB04_TC02_20221_UiTMCSH_Kriteria 3 Kenal Pasti Risiko \(ACT\) Bukti 1.pdf](#)
2. [K0025_T01_TB04_TC02_20222_UiTMCSH_Kriteria 3 Kenal Pasti Risiko \(ACT\) Bukti 2.pdf](#)
3. [K0025_T01_TB04_TC02_20223_UiTMCSH_Kriteria 3 Kenal Pasti Risiko \(ACT\) Bukti 3.pdf](#)
- 4.
- 5.

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Untuk memulakan projek Lobster Air Tawar (LAT) ini bukan perkara yang mudah. Justeru pihak SIG-ToCoDeS **mengalu-alukan komen-komen membina** untuk penambahbaikan yang berterusan agar projek LAT ini mampu membantu komuniti B40 untuk **meningkatkan taraf hidup mereka dan kemampuan mereka untuk menjana pendapatan sendiri**. Pada 16 Jun 2021, satu sesi latihan bagi peserta LAT telah diadakan bersama BK Hendry pada jam 8.00pm secara atas talian. Segala maklum balas untuk penambahbaikan program diambil kira secara serius. **Bukti 1** menunjukkan **Tindakan Penambahbaikkan Melalui Maklumbalas Peserta Latihan Lobster Air Tawar**.

Selain daripada maklum balas peserta program latihan, penambahbaikan juga mengambil kira **komen daripada projek pelaksana** sewaktu Kursus Pemerksaan Frontliners FLP-GAPS yang lalu. **Bukti 2** menunjukan **Tindakan Penambahbaikkan Melalui Maklumbalas Projek Pelaksana Sewaktu Kursus Pemerksaan Frontliners FLP-GAPS**.

Setiap kampung yang terpilih bagi projek LAT ini mempunyai pengurus dan penyelia masing-masing. Justeru komen untuk penambahbaikan daripada mereka turut diambil kira kerana mereka yang **lebih tahu mengenai status kemajuan projek atau apakah kekangan-kekangan semasa yang menyukarkan proses penetasan/tumbesaran/proses jualan LAT**.

Sebagai contoh, pengurus dan penyelia mendapati LAT mempunyai masalah dari **segi kekurangan mineral justeru menyebabkan kadar kematian yang tinggi sewaktu proses Molting (bertukar kulit)**. Oleh itu, berdasarkan komen yang diberikan oleh pengurus dan penyelia, **satu formula yang dipanggil Miracle Microorganism Formula TL-MMF telah diformulasikan sendiri oleh ToCoDeS** selaku projek pelaksana. **Bukti 3** menunjukkan **Tindakan Penambahbaikkan Melalui Maklumbalas daripada Pengurus FLP-GAPS** dan **Bukti 4** menunjukkan **Tindakan Penambahbaikkan Melalui Maklumbalas daripada Penyelia Projek FLP-GAPS**.

Bagi komuniti B40 pula, pengetahuan mereka tentang ternakan LAT ini agak terhad. Justeru, mencari tugas dan tanggungjawab pihak ToCoDeS untuk menguar-uarkan informasi yang sahih berkaitan ternakan udang air tawar ini. **Bukti 5.1** menunjukkan **hasil maklum balas komuniti B40** dan **Bukti 5.2** menunjukkan **cara-cara peneraju projek mengatasi masalah tersebut**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0025_T01_TB04_TC03_20221_UiTMCSH_Kriteria 3 Kaji Semula \(ACT\) Bukti 1.pdf](#)
2. [K0025_T01_TB04_TC03_20222_UiTMCSH_Kriteria 3 Kaji Semula \(ACT\) Bukti 2.pdf](#)
3. [K0025_T01_TB04_TC03_20223_UiTMCSH_Kriteria 3 Kaji Semula \(ACT\) Bukti 3.pdf](#)
4. [K0025_T01_TB04_TC03_20224_UiTMCSH_Kriteria 3 Kaji Semula \(ACT\) Bukti 4.pdf](#)
5. [K0025_T01_TB04_TC03_20225_UiTMCSH_Kriteria 3 Kaji Semula \(ACT\) Bukti 5.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

1. Tempat Pertama bagi Sijil Anugerah Projek Kolaborasi Komuniti bagi kategori Penjana Dana Terbaik.

Sepanjang tahun 2021, pengurusan kanan UiTMCSH telah mengumpul data-data dari pelbagai medium untuk memudahkan kajian semula prospek dengan cepat serta mengurus pelanggan dalaman serta luaran untuk menilai keberkesanan bagi setiap inisiatif yang telah dijalankan.

Para pensyarah selaku projek pelaksana, pihak penaja iaitu TERAJU, rakan strategik dan juga komuniti B40 terbukti telah mendapat pelbagai manfaat daripada pelaksanaan projek LAT ini. Justeru ini menunjukkan **UiTMCSH menitikberatkan keperluan kumpulan sasar.**

Bukti 1 menunjukkan kecemerlangan yang diperoleh **Projek Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System** sehingga memperoleh **Tempat Pertama bagi Sijil Anugerah Projek Kolaborasi Komuniti bagi kategori Penjana Dana Terbaik.**

2. Deep Water Bore Technique – Inisiatif Pencarian Bekalan Air Bersih di Tapak Projek FLP-GAPS Kg Shabandar Tuaran.

Masalah sumber air adalah kritikal untuk tapak projek FLP-GAPS yang terbesar iaitu di Kg. Shabandar, Tuaran. Bekalan air juga tidak mencukupi untuk komuniti setempat dan surau serta dewan berhampiran. ToCoDeS mengambil inisiatif untuk mencari jalan mengenal pasti sumber air bawah tanah bagi tujuan penternakan LAT diusahakan oleh kelompok B40 terpilih (daftar e-Kasih) dan kegunaan umum untuk penduduk kampung berhampiran.

Bukti 2 menunjukkan **Pembangunan Deep Water Bore Technique – Inisiatif Pencarian Bekalan Air Bersih di Tapak Projek FLP-GAPS Kg Shabandar Tuaran.**

3. Penubuhan Koperasi Pembangunan Komuniti Usahawan Lobster Sabah Berhad (KoPKULS)

Penubuhan Koperasi Pembangunan Komuniti Usahawan Lobster Sabah Berhad (KoPKULS) adalah **100% milik pengusaha LAT B40**. Koperasi ini merupakan medium yang menerajui projek FLP-GAPS bakal bermula 2023 pun begitu penubuhannya dibuat pada 2021 bagi tujuan memberi **ilmu dan latihan berkaitan pengendalian sesebuah koperasi berteraskan komuniti LAT di Sabah**. Selain itu, penubuhan koperasi ini juga mampu **mengangkat kebolehpayaan penternak LAT Bumiputera B40 untuk bersaing dengan pengusaha LAT Bukan Bumiputera** yang kini semakin mendominasi pasaran.

Bukti 3 menunjukkan **Penubuhan Koperasi Pembangunan Komuniti Usahawan Lobster Sabah Berhad (KoPKULS)**.

4. Green Community-Based Social Enterprise

Model sedia ada **tidak mempunyai elemen GREEN** dan mengimplementasikan amalan social enterprise yang biasa. Pun begitu, ToCoDeS mengambil inisiatif **mengembangkan model CBSE kepada Green CBSE dengan menambah elemen Green** yang merujuk kepada elemen **akua, agro organik, Islamik, penggunaan sumber kitar semula dan projek yang mesra alam dengan menggunakan tenaga solar**. Beberapa penyelidik dari pelbagai institusi telah menyatakan **hasrat untuk mengetahui lebih jauh** berkaitan model Green CBSE. Atas alasan ini, **model ini diterima untuk penghantaran penerbitan pada 2021 ke Edisi Khas Springer Nature Singapore Green Infrastructure: Materials and Applications.**

BUKTI 4 menunjukkan Penghargaan UTM Saban atas kejayaan penerbitan **EDISI Khas Springer Nature Singapore Green Infrastructure: Materials and Applications.**

5. Miracle Microorganism Formula

Penghasilan produk LAT yang terjejas akibat kematian LAT pada proses *molting* pada kadar yang tinggi. Kesukaran pengusaha LAT mendapatkan produk dengan harga berpatutan dan bekalan berterusan kerana kebanyakan produk seumpamanya ditawarkan di Semenanjung Malaysia. Justeru, setelah ujian formulasi dilakukan, maka terhasil kini produk yang dinamakan sebagai **Miracle Microorganisms Formula** yang bakal memanfaatkan lebih 150 - 300 orang pengusaha LAT piko, nano & mikro di Sabah/Borneo.

Bukti 5.1 menunjukkan **proses molting** dan **Bukti 5.2** menunjukkan **produk inovasi** yang terhasil.

SENARAI BUKTI :

1. [K0025_T01_TB05_20221_UiTMCSH_Kriteria 3 Integration Bukti 1.pdf](#)
2. [K0025_T01_TB05_20222_UiTMCSH_Kriteria 3 Integrasi \(INTEGRATION\) Bukti 2.pdf](#)
3. [K0025_T01_TB05_20223_UiTMCSH_Kriteria 3 Integrasi \(INTEGRATION\) Bukti 3.pdf](#)
4. [K0025_T01_TB05_20224_UiTMCSH_Kriteria 3 Integrasi \(INTEGRATION\) Bukti 4.pdf](#)
5. [K0025_T01_TB05_20225_UiTMCSH_Kriteria 3 Integrasi Bukti 5.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Untuk memastikan aktiviti-aktiviti yang berkaitan bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawaan berjalan dengan lancar dan mencapai sasaran, UiTMCSH telah melaksanakan satu pelan pemantauan yang rapi dan sistematik yang merangkumi 4 aspek utama iaitu perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan.

UiTMCSH menyedari kepentingan sistem perancangan dan pelaksanaan yang rapi. Justeru itu, UiTMCSH telah memastikan bahawa setiap aktiviti yang dijalankan berdasarkan perancangan yang teliti. Antara lain, pelaksanaan setiap aktiviti adalah dirancang dengan mengambil kira objektif strategik UiTMCSH dan objektif Kualiti. Perancangan yang dibuat menyumbang kepada pencapaian serta kejayaan setiap aktiviti yang dijalankan. Selain itu, melalui perancangan yang dibuat, pihak UiTMCSH berjaya mengoptimumkan tenaga kerja dan sumber kewangan yang ada di dalam pelaksanaan setiap aktiviti.

Di dalam aspek pelaksanaan bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawaan, UiTMCSH melaksanakan setiap aktiviti berdasarkan jadual yang telah disediakan. Pelaksanaan setiap aktiviti mengikut jadual telah memastikan bahawa segala isu yang timbul semasa pelaksanaan aktiviti dapat diatasi dengan berkesan di dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Sebagai tambahan, pelaksanaan yang berkesan telah menyumbang kepada pencapaian objektif yang telah ditetapkan oleh UiTMCSH.

UiTMCSH menyedari bahawa langkah pemantauan perlu dijalankan secara berkala untuk memastikan bahawa pelaksanaan setiap aktiviti sentiasa berada di atas landasan yang telah ditetapkan. Oleh itu, proses pemantauan pencapaian bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawaan yang melibatkan pihak pengurusan tertinggi UiTMCSH, Unit Perancangan Strategik (UPS), Unit Kualiti dan PTJ dilaksanakan melalui tiga peringkat secara berkala.

Selain itu, pihak UiTMCSH menyedari bahawa langkah-langkah penambahbaikan adalah penting untuk memastikan pencapaian serta pelaksanaan setiap aktiviti pada masa hadapan dapat dipertingkatkan untuk kebaikan semua pihak yang terlibat. Oleh itu, dengan mengambil kira pencapaian objektif serta isu-isu yang telah dihadapi semasa pelaksanaan projek, UiTMCSH telah mengadakan *post-mortem* untuk mendapatkan data-data yang boleh menyumbang kepada pencapaian yang lebih mantap di dalam setiap aktiviti yang akan dijalankan pada masa hadapan. Di dalam *post-mortem* yang telah dijalankan, aspek seperti keberkesanan aktiviti, kecekapan pengendalian dan pengurangan kos pelaksanaan adalah bagi tujuan penambahbaikan.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pencapaian bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan diukur berdasarkan objektif utama Perancangan Strategik UiTMCSH dan Objektif Kualiti UiTMCSH. Perancangan strategik UiTMCSH telah dibangunkan selaras dengan Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12 Malaysia 2021-2025) (Lampiran 4.2.1), Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (Lampiran 4.2.2) dan Pelan Strategik UiTM2025 (Lampiran 4.2.3).

